

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	MUKA SURAT	:	6
TARIKH	:	28/12/2019			
JABATAN	:	IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

IWK kesal dituduh punca pencemaran

Shah Alam: Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) kesal dengan dakwaan konomya pencemaran bau di Sungai Semenyih, baru-baru ini berpunca daripada kecuaihan syarikat itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, M Narendran, berkata dakwaan itu adalah tuduhan tidak berasas tanpa melihat situasi sebenar secara keseluruhan.

Katanya, bahan kimia terbahit bukan berpunca daripada IWK, sebaliknya hanya melalui lurang pembetulan seliaan pihakanya. "Lurang pembetulan ada



M Narendran

yang terletak di tempat awam dan tidak dapat dipantau sepanjang masa atau 24 jam oleh kami. Sisa

ini dilepaskan secara haram ke dalam lurang pembetulan.

"Contohnya, pencuri yang hendak pecah masuk sesuatu rumah, pencuri akan buat apa cara sekalipun sampai dapat masuk ke rumah itu. Begitu juga lurang pembetulan, mereka (pihak tidak bertanggungjawab) tetap akan guna apa cara sekalipun untuk buka bagi membuang sisa itu," katanya kepada *BH*.

Narendran menjelaskan selain lori tangki IWK, banyak lori tangki kumbahan swasta dan sisa industri beroperasi di merata-rata tempat.

Katanya, ada juga pihak tidak bertanggungjawab yang mengoperasikan lori tangki secara haram, namun tiada pemantauan dan penguatkuasaan dibuat terhadap pihak terbahit.

"Kena lihat juga perkara ini kerana lori tangki sisa industri perlu menghantar sisa itu ke Kualiti Alam Sdn Bhd (Pusat Kualiti Alam), bukan ke lurang pembetulan. Lori tangki IWK ada Sistem Pemantauan Kenderaan (Vehicle Monitoring System), kita boleh tahu maklumat pergerakan lori ini," katanya.